

15/10/2001

Demonstrasi jejas minat dana asing

Fred Tam

KENAIKAN berterusan selama tiga minggu berjaya membantu Indeks Komposit di Nasdaq dan Indeks Standard & Poor's 500 serta purata perindustrian Dow Jones kembali berada pada tahap sebelum Amerika Syarikat diserang penganas pada 11 September lalu.

Kenaikan di Wall Street sejak tiga minggu digabungkan dengan unjuran pendapatan yang lebih baik dalam pada Amerika melancarkan serangan terhadap Afghanistan tanpa banyak bantahan daripada negara lain membolehkan syarikat seperti Pepsico Inc dan Lam Research Corp mencatat perolehan lebih baik daripada dijangkakan.

Di Asia, pasaran melantun sejajar aliran Dow dengan diterajui Nikkei 225, Indeks All-Ordinary dan SES Singapura. Bagaimanapun, kecuali Jepun, dua indeks lain masih berada di bawah paras ketika Amerika Syarikat diserang.

Malangnya tiga pasaran yang paling lemah sejak meletusnya krisis itu ialah Filipina, Indonesia dan Malaysia.

Tiga minggu selepas serangan berlalu, Indeks Komposit BSKL masih lemah dengan ketiadaan minat belian. Pada asas mingguan, Indeks Komposit naik 2.32 mata atau 0.38 peratus untuk ditutup pada 611.32. Ini maish 79.22 mata atau 11.4 peratus di bawah paras 690.54 mata sebelum krisis serangan di Amerika.

Berdasarkan angka itu, adalah jelas bahawa kenaikan mingguan lebih banyak berlaku terhadap pasaran negara yang dilihat mempunyai kaitan rapat dengan Amerika atau dilihat sebagai mempunyai persekitaran politik lebih stabil. Di sinilah letaknya alasan mengapa pasaran Filipina, Indonesia dan Malaysia kelihatan agak ketinggalan kerana ada pelabur yang berpendapat kononnya ia kurang stabil.

Dua minggu lalu, kami menegaskan bahawa tunjuk perasaan seperti yang dilakukan penyokong PAS di depan bangunan Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur, tidak akan dapat membantu memberikan gambaran yang baik terhadap Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sederhana. Dalam kemelut serangan di Amerika Syarikat, Malaysia sebenarnya ialah antara negara yang paling awal menegaskan pendiriannya menentang keganasan sekali gus membolehkannya mendapat pandangan positif daripada masyarakat pelabur antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas beberapa hari serangan penganas terhadap Amerika, dengan jelas menyatakan bahawa Malaysia bersedia bekerjasama dengan kuasa besar itu untuk membanteras keganasan. Pendirian Malaysia itu adalah antara pendorong utama kenaikan 25.88 mata Indeks Komposit daripada 607.64 kepada 633.52 mata pada 19 September lalu.

Sesuatu yang pelik ialah mengapa tiada minat belian susulan? Ini amat berbeza dengan seperti di Singapura, Hong Kong, Jepun dan Australia yang terus meningkat selepas 19 September manakala Indeks Komposit dan Emas di BSKL masih berlegar-legar pada paras yang sama.

Mengapa dana asing bertindak keluar dari Malaysia dan mengalir ke negara Asia lain sedangkan sebelum itu, Malaysia ialah antara negara destinasi utama modal di Asia? Apa yang berlaku ialah seolah-olah dana asing lebih berminat untuk berada di luar pasaran kerana ia dilihat lebih selamat (dalam konteks antikeganasan). Bagaimanapun, agak menghairankan kerana bukannya pendirian tegas Malaysia berhubung isu itu sudah jelas?

Jawapannya sudah tentu `ya'. Perdana Menteri sudah menjelaskan pendirian

kita tetapi nama baik Malaysia sedikit terjejas dengan tindakan parti pembangkang terutama PAS mengadakan tunjuk perasaan di depan Bangunan Kedutaan Amerika serta berjanji untuk menghantar ahlinya ke Afghanistan untuk menentang pasukan tentera Amerika. Sudah tentu pendirian PAS itu adalah tidak sejajar dengan kerajaan. Mereka inilah yang sebenarnya menjadi `gunting dalam lipatan'.

Pada pendapat kami, tindakan parti pembangkang mengadakan demonstrasi ini mencetuskan kebimbangan di kalangan pelabur. Ini juga menjadi satu daripada alasan utama mengapa saham Malaysia dijual pengurus dana asing dan mereka seterusnya beralih ke beberapa negara lain di rantau ini. Kami menegaskan bahawa `dalam keadaan semasa, mana-mana negara yang menunjukkan simpati kepada pengganas atau dilihat mempunyai kecenderungan ke arah itu, akan menerima kesan penjualan sahamnya'.

"Dalam konteks ini, protes yang ditunjukkan oleh PAS di depan bangunan Kedutaan Amerika adalah sesuatu yang amat dikesali. Imej baik Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sederhana - di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad - mungkin terjejas oleh tindakan PAS itu. Menyedari hakikat itu, kerajaan wajar mengambil tindakan tegas terhadap mereka atau berdepan dengan risiko saham tempatan akan dijual bukan saja oleh pelabur tempatan malah juga antarabangsa".

Jumaat lalu, berlaku satu lagi siri bantahan dan polis terpaksa menyuraikan penunjuk perasaan. Soalnya kini, adalah tindakan ini dapat membantu sentimen yang suram di bursa tempatan? Mengapa mesti segelintir pihak di negara ini mengambil tindakan sama dengan penunjuk perasaan di Indonesia? Malaysia sebenarnya akan mengalami kerugian besar jika pelabur menarik diri dari negara ini. Semua usaha yang dilaksanakan kerajaan dan rakyatnya sejak negara merdeka lebih empat dekad lalu akan terpadam begitu saja. Adakah itu yang mereka mahukan dan apakah itu yang dimahukan pembangkang?

Sesuatu yang harus diingat semua warga Malaysia ialah mereka harus berusaha ke arah kebaikan. Semuanya patut sanggup mengetepikan perbezaan politik dan bekerjasama dengan kerajaan untuk berusaha membuktikan bahawa Malaysia ialah sebuah negara yang antikeganasan. Ini kerana hanya dengan cara itulah kita dapat mengembalikan keyakinan pelabur terhadap pasaran saham tempatan seterusnya membantu meningkatkan semula sentimen BSKL.

(END)